

# 'Umno tidak akan ke Sabah, Sarawak'

**KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam berkata, Umno tidak bercadang untuk mengembangkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak kerana Kerajaan Pusat setakat ini berpuas hati dengan keadaan politik di kedua-dua negeri itu.**

Pemangku Perdana Menteri berkata, parti-parti anggota Barisan Nasional di negeri-negeri itu sudah menunjukkan kemampuan untuk men-

tadbir Kerajaan Negeri dengan cekap.

"Yang penting ialah pentadbiran yang baik dan cekap serta diterima rakyat," katanya ketika mengulas cadangan pelbagai pihak supaya Umno dikembangkan ke Sabah dan Sarawak, selepas Merasmikan Pesta Buku 83 di Universiti Malaya di sini, hari ini.

## Tidak berulang

Bellau berkata, keadaan politik di kedua-dua negeri adalah baik dan hubungan Kerajaan Pusat dengan negeri-negeri itu sentiasa mesra.

Mengenal cadangan kaitan Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) mahu memulaukan pesawat Aeroflot sebagai membantah peristiwa menembak jatuh pesawat Syarikat

Penerbangan Korea Selatan (Kal) baru-baru ini, Datuk Musa berkata:

"Tindakan Kesatuan Pekerja Mas (MASEU) itu tidak mencerminkan tindakan Kerajaan Malaysia".

Tindakan itu, katanya, hanya dilakukan oleh segolongan rakyat Malaysia yang menifatkan perbuatan menembak jatuh pesawat awam itu sebagai kejaman dan tidak berperikemanusiaan.

Mengenai tindakan kerajaan berhubung peristiwa itu, Datuk Musa berkata, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu berusaha supaya kejadian seperti itu tidak berulang.

Katanya, Duta Besar Russia ke Malaysia, Dr B.T. Koulik sudah dipanggil ke Wisma Putra untuk menjelaskan penembakan itu.

Bellau berkata, kerajaan tidak ada rancangan untuk mem-

buat tindakan susulan kerana yang dibuat setakat ini adalah cukup untuk sementara waktu.

Sementara itu, Kesatuan Pekerja Mas akan bermesyuarat esok untuk memutuskan hal pemulauan pesawat Aeroflot.

Setiausaha Agung Kesatuan itu, Encik Yusoff Hamid berkata, pemimpin-pemimpin kesatuan akan memberitahu ahli-ahli mengenai rundingannya dengan pihak pengurusan Mas mengenai perkara itu semalam. Mengikut jadual, pihak kesatuan mengesyorkan pemulauan itu dijalankan selama 60 hari mulai esok.

Tindakan serupa itu difahamkan melanggar Akta Perhubungan Perusahaan yang menghendaki sesuatu tindakan seperti itu diberitahu 42 hari sebelum dilaksanakan. Ini bermakna, jika pemulauan itu dilakukan juga, tindakan itu dianggap tidak sah.